


BERITA ONLINE

BERNAMA

TARIKH: 17 JUN 2022 (JUMAAT)



UAE, Malaysia bincang ke arah saling iktiraf sijil kelayakan pendidikan tinggi



17/06/2022 03:54 PM

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) – Emiriah Arab Bersatu (UAE) sedang berbincang dengan Malaysia ke arah saling mengiktiraf sijil pendidikan dan akreditasi daripada institusi pengajian tinggi masing-masing.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Perdagangan UAE di Kementerian Luar dan Kerjasama Antarabangsa, Dr. Abdunnasser Alshaali berkata pengiktirafan sedemikian akan beri manfaat kepada pasaran kerja kedua-dua negara, selain membuka laluan untuk lebih banyak kerjasama antara institusi pendidikan pada masa hadapan.

"Ia agak penting berikutan keadaan pasaran pekerjaan semasa. Ia memudahkan rakyat UAE untuk datang dan bekerja di Malaysia dan sebaliknya," Alshaali, yang mengetuai misi perdagangan ke Malaysia, memberitahu Bernama di luar mesyuarat perniagaan dengan rakan sejawatan tempatan di sini.

Pendidikan menjadi antara fokus utama hubungan dua hala UAE-Malaysia. Pada masa ini, terdapat kira-kira 700 pelajar dari UAE yang menuntut di Malaysia dengan kebanyakan mereka melanjutkan pengajian pasca siswazah dalam bidang pengurusan, perniagaan, kewangan dan undang-undang.

Beliau berkata kedua-dua negara harus memperhebat perkongsian dalam sektor kesihatan untuk menerokai potensi besar industri farmaseutikal serta dalam penyelidikan dan pembangunan vaksin baharu.

Industri itu akan terus menjadi tumpuan untuk beberapa tahun akan datang berikutan krisis kesihatan COVID-19 global, tambahnya.

Alshaali berkata sebagai pemacu utama dalam industri halal global, Malaysia mempunyai kelebihan untuk menghasilkan vaksin dan produk farmaseutikal yang boleh memenuhi keperluan piawaian halal yang diperlukan.

Dalam misi tiga hari itu, delegasi UAE bertemu dengan pegawai Malaysia dan melawat beberapa kementerian termasuk Kementerian Luar, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

UAE merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia di Asia Barat. Pada 2020, perdagangan dua hala UAE-Malaysia mencecah US\$5 bilion dan terus meningkat kepada US\$5.4 bilion pada 2021 meskipun berdepan pandemik dan kelembapan ekonomi global.

Pada Mac, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob membuat lawatan sulungnya ke UAE, menghadiri Sidang Kemuncak Kerajaan Dunia 2022, yang diadakan bersempena dengan Ekspo 2020 Dubai, dan menyaksikan pemeteraian beberapa memorandum persefahaman (MoU) antara Malaysia dan syarikat asing.

Terdapat kira-kira 6,000 rakyat Malaysia kini bekerja di UAE sebagai profesional terutamanya dalam penerbangan serta industri minyak dan gas.

-- BERNAMA